

JAWATAN	EKSEKUTIF (TETAP) - (GRED B6) -JABATAN SYARIAH, SEKSYEN PEMATUHAN SYARIAH
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah atau pengajian dalam bidang Usul Fiqh dan Fiqh Muamalat dengan kepujian dari institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Graduan baharu dalam bidang berkaitan turut digalakkan untuk memohon. • Mempunyai sekurang-kurang dua (2) tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan Kewangan seperti Perbankan Islam atau Pasaran Modal Islam, Halal, Koperasi dan sebagainya. • Berpengetahuan dan mampu memberi pandangan mengenai resolusi syariah (pandangan syariah) yang dikeluarkan oleh badan pengawalseliaan kewangan Islam seperti Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). • Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dengan baik dan mempunyai interpersonal yang cemerlang, pro aktif, berdisiplin dan bermotivasi tinggi. • Mampu bekerja di bawah seliaan yang minimum. • Mahir dalam penggunaan aplikasi-aplikasi Microsoft Office dan teknologi. • Bersedia untuk bekerja di luar kawasan dan wajib mempunyai kenderaan sendiri.
Deskripsi Tugas	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan sokongan operasi untuk kelancaran fungsi Jawatankuasa Syariah. • Membangun budaya/persekitaran patuh Syariah. • Memimpin, mengurus, dan memastikan penyampaian perkhidmatan nasihat Syariah yang berkesan. • Membantu Ketua Seksyen menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Syariah dalam pembuatan keputusan yang baik oleh Jawatankuasa Syariah. • Menyediakan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Syariah. • Menyediakan laporan Jawatankuasa Syariah dan Minit Mesyuarat setelah setiap mesyuarat selesai. • Menyebarkan semua keputusan Jawatankuasa Syariah kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk mengelakkan isu ketidakpatuhan Syariah. • Berinteraksi dengan pihak-pihak yang koperasi-koperasi luar (contohnya, Pemilik Perniagaan, Pengurusan, Lembaga) mengenai Hal Ehwal Syariah dari Jawatankuasa Syariah. • Memberikan nasihat dan rujukan kepada pihak-pihak yang berkaitan

mengenai keputusan/resolusi Jawatankuasa Syariah.

- Mengurus hal-hal pentadbiran Syariah (contohnya, penyimpanan rekod, pengisian, dan sistem pelaporan).
- Membantu dalam merancang dan melaksanakan program latihan yang berkaitan dengan Jawatankuasa Syariah bagi koperasi kumpulan.
- Melaksanakan semakan syariah bebas untuk menilai tahap pematuhan unit perniagaan koperasi dan unit sokongan bagi memastikan kepatuhan kepada prinsip Syariah, keperluan pengawalseliaan, serta garis panduan dan prosedur bagi koperasi kumpulan.
- Membantu membangunkan pelan semakan Syariah yang merangkumi pelbagai inisiatif dan program ujian untuk menilai tahap pematuhan bagi koperasi kumpulan.
- Mengesyorkan langkah pemulihan yang sesuai untuk menyelesaikan ketidakpatuhan dan kawalan untuk mengelakkan berulang.
- Melaporkan hasil semakan pematuhan Syariah dan ketidakpatuhan kepada Jawatankuasa Syariah dan Pengurusan.
- Menyemak semua kejadian berpotensi ketidakpatuhan Syariah (SNC) yang dilaporkan oleh Unit Perniagaan, dengan kerjasama jabatan Pengurusan Risiko, sebelum melaporkan kepada Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Syariah bagi koperasi kumpulan.
- Menilai semula manual dasar dan prosedur unit Perniagaan/Sokongan yang berkaitan bagi koperasi kumpulan.
- Merancang dan melaksanakan latihan dan kesedaran Syariah.
- Membangunkan bahan latihan baharu dan memperhalusi bahan sedia ada.